

**Wee Bidas Pembangkang Putar Belit Situasi Ekonomi Negara
Bernama
20 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Ketua Pemuda MCA Datuk Dr Wee Ka Siong membidas pembangkang yang sengaja memutarbelitkan situasi ekonomi negara untuk mengelirukan rakyat.

Beliau berkata dakwaan mereka bahawa negara akan menjadi bankrap adalah tidak berasas, malahan jika mengikut keadaan semasa, keadaan negara jauh lebih baik daripada apa yang digambarkan mereka.

Katanya mengikut statistik, hutang negara hanya 53 peratus melebihi keluaran dalam negara kasar (KDNK), berbanding Jepun iaitu 211 peratus, Singapura 118 peratus, Perancis 84 peratus, Jerman 81 peratus dan Amerika Syarikat 67 peratus.

"Negara-negara itu adalah negara-negara yang disanjung tinggi oleh pakatan pembangkang, jika mereka mendakwa Malaysia mungkin akan bankrap, maka negara-negara 'model' yang disebut mereka sepatutnya sudah lama bankrap," katanya semasa berucap pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda MCA ke-48 di Wisma MCA, di sini, hari ini.

Malah, Wee berkata jika dibuat perbandingan secara objektif, keseluruhan kekuatan ekonomi negara masih dalam keadaan sihat dan boleh dibanggakan berbanding negara-negara lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703476>